Journal of Islamic and Arabic Education 2(1), 2010 43-56

Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep *Mu'allim*

AB. HALIM TAMURI
MOHAMAD KHAIRUL AZMAN AJUHARY

ABSTRAK

Dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam, guru pendidikan Islam dilihat dalam masyarakat sebagai contoh terbaik atau *role model* yang membentuk insan yang berakhlak dan bertakwa. Justeru, artikel ini bertujuan untuk membincangkan amalan pengajaran guru pendidikan Islam yang berkesan dan beberapa komponen teras kesediaan yang perlu ada pada setiap guru pendidikan Islam. Perbincangan akan diasaskan kepada amalan pengajaran guru pendidikan Islam yang berteraskan kepada konsep *mu'allim*. Selain itu, empat komponen utama dalam kesediaan guru juga akan dibincangkan, iaitu kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran, penguasaan ilmu, motivasi, dan personaliti guru pendidikan Islam.

Kata Kunci: Mu'alim, kesediaan guru, kemahiran, penguasaan ilmu, motivasi, dan Personaliti

ABSTRACT

In the teaching and learning of Islamic education, the Islamic education teacher is seen by the society as a role model in educating good and pious individual and society. Therefore, this articel aims to discuss the Islamic education teachers' effective teaching practices as well as the main components of readiness for the Islamic education teachers. The discussion will be based on the teaching practices of Islamic education teacher which are based on the concept of mu'allim. Furthemore it will also look at the four components of teacher's readiness namely teacher's teaching skills, knowledge, motivation, and personality.

Keywords: Mu'allim, Teacher's readiness, skills, knowledge, motivation, and personality

PENDAHULUAN

Sebagai individu yang bertanggungjawab merealisasikan kehendak Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, profesion sebagai guru pendidikan Islam ialah satu kerjaya yang amat mencabar. Tugas pendidik dalam pandangan Islam secara umumnya ialah mendidik, iaitu berusaha mengembangkan seluruh potensi murid sama ada potensi psikomotor, kognitif atau afektif. Berdasar kepada Falsafah Pendidikan Islam dan matlamat pendidikan dalam Islam, guru dalam masyarakat perlu menjadi *role-model* yang dicontohi dan bukan sekadar seorang pekerja yang hanya dibayar gaji sahaja. Masyarakat umumnya telah menganggap institusi pendidikan seperti sekolah, sebagai institusi untuk melahirkan manusia yang lengkap dengan penguasaan terhadap potensi kognitif, psikomotor dan afektif tanpa menghiraukan peranan mereka dalam arus pendidikan itu sendiri. Tugas mendidik pada masa kini telah hampir diserahkan sepenuhnya kepada guru-guru dan institusi pendidikan semata-mata tanpa penglibatan aktif masyarakat dan ibu bapa. Maka peranan guru-guru pendidikan Islam semakin mencabar kerana mereka bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi mendidik dan membangunkan diri murid-murid mereka. Tingkah laku mereka di dalam dan luar kelas adalah melambangkan keunggulan mereka sebagai guru yang dengan mudah dapat diterima oleh murid-murid (Hussain & Ashraf, 1989). Guru dalam sistem pendidikan Islam mestilah memenuhi segala tuntutan sebagai *role model* atau *qudwah hasanah* kepada masyarakat, sebagai ejen perubahan di dalam masyarakat melalui sistem pendidikan yang ada, sama ada secara pendidikan formal ataupun tidak formal.

KONSEP *MU'ALLIM* : PERSPEKTIF PENDIDIKAN ISLAM

Umumnya, konsep guru menurut Islam boleh dijelaskan melalui pelbagai istilah seperti *murabbi*, *mu'allim* dan *muaddib*. Ketiga-tiga istilah pendidikan ini menekankan peranan guru dalam aspek pembangunan akhlak dan diri. Halstead (1995) menjelaskan bahawa para guru sangat disanjungi dan diharapkan kerana mereka bukan sahaja berilmu semata-mata, tetapi juga mestilah mempunyai personaliti dan komitmen kepada Islam dan menunjukan contoh yang baik kepada para murid, yang mana para murid boleh mengikuti guru mereka tanpa rasa ragu-ragu. Istilah yang diguna pakai dalam bidang pendidikan menurut Islam adalah penting bagi menjelaskan tugas dan peranan guru serta sebagai motivasi kepada guru dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pendidik dan ejen perubah di dalam masyarakat. Seorang guru menurut pandangan Islam perlu memiliki kekuatan mempraktikkan adab-adab khusus sebagai seorang guru, iaitu adab guru terhadap dirinya, adab guru terhadap muridnya dan adab guru terhadap pengajaran dan pembelajarannya (al-Mab'uth, t.th).

Secara umum, proses pengajaran sering dikaitkan dengan istilah *ta'lim*. Menurut Janzarli (1991), istilah *ta'lim* ini merangkumi tiga istilah penting dalam pendidikan, iaitu *tarbiah, ta'lim dan ta'dib* yang mempunyai hubungannya dengan insan, masyarakat, persekitaran dan hubungannya dengan Allah S.W.T. Istilah ini amat berkait rapat antara satu sama lain dan digunakan di dalam pengertian *ta'lim* atau pengajaran menurut kaca mata Islam. *Ta'lim* adalah juga boleh difahami sebagai proses pemindahan ilmu daripada seorang guru kepada muridnya (Syed Hossein Nasr, 1987). Menurut Islam, proses *ta'lim* ialah proses memindah dan menyampai serta mengajar sesuatu ilmu kepada seseorang yang tidak mengetahui ilmu tersebut. Hal ini berdasarkan penggunaan kata kerja *ta'lim* (تعليم) yang berasal daripada perkataan '*alima* (علم) yang bermaksud mengetahui sesuatu, seperti firman Allah S.W.T. di dalam surah al-Anfal ayat 60 yang bermaksud : (... *yang kamu tidak mengetahuinya sedang Allah mengetahuinya*).

Hal ini merujuk juga kepada kisah Nabi Adam A.S. yang mengalami proses *ta'lim* daripada Allah S.W.T. yang menjadi *mu'allim*nya. Firman Allah S.W.T. :

وَعَلَّمَ ءَادَمَ ٱلْأَسْمَآءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ فَقَالَ أَنۢبِـُٔونِى بِأَسْمَآءِ هَٰٓؤُلَآءِ
إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٣١﴾ قَالُوا۟ سُبْحَٰنَكَ لَا عِلْمَ لَنَآ إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَلِيمُ
ٱلْحَكِيمُ ﴿٣٢﴾

Maksud: *Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Ia berfirman: "Terangkanlah kepada-Ku nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar." Malaikat itu menjawab: "Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."*

(Surah *al-Baqarah,* 2:31-32)

Dua perkataan di dalam ayat tersebut yang merujuk kepada proses *ta'lim* ialah (عَلَّمَ) yang bermaksud "Dia mengajarkan" dan (عَلَّمْتَنَا) yang bermaksud "yang telah Engkau ajarkan kepada kami." Ibn Kathir (2001) mengatakan bahawa Allah S.W.T. telah mengajar Nabi Adam A.S. semua perkara yang tidak diketahuinya sebagai tanda kemuliaan dan kelebihan Baginda. Ibn 'Abbas berkata Allah S.W.T. telah mengajar Nabi Adam semua nama benda yang ada di dunia ini yang perlu diketahui oleh manusia (Ibn Kathir, 2001). Rasulullah s.a.w. digelar sebagai *mu'allim* dan *murabbi* (Abdullah Nasih 'Ulwan, 1996) kerana tugas baginda yang mengajar manusia perkara yang mereka tidak ketahui iaitu akidah dan tauhid kepada Allah S.W.T.

Jelas bahawa proses *ta'lim* ialah mengajar seseorang sesuatu yang tidak diketahuinya dengan cara memindahkan ilmu tersebut. Orang yang mengajar dan memindahkan ilmu tersebut dinamakan *mu'allim*. Maka peranan seorang *mu'allim* adalah penting dan perlu ada kepada semua pendidik kerana *ta'lim* merupakan peringkat pertama dalam proses pendidikan. Hal ini bertepatan dengan maksud *ta'lim* menurut al-Quran dan Sunnah, iaitu proses menentukan tingkah laku manusia (Ashraf, 1995; Hossein Nasr, 1987; Janzarli, 1991; Mohd Kamal Hassan, 1988 & al-Syaibani, 1997). Menurut Janzarli (1991) apabila perubahan tingkah laku individu atau masyarakat tersebut selari dengan tuntutan al-Quran dan Sunnah, maka Allah S.W.T. akan membuka seluasnya semua pintu ilmu yang menjurus kepada kebenaran sebagaimana firman-Nya:

وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَن يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ ٱللَّهُ ۚ

Maksud: Dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah S.W.T. telah mengajarkannya.

(Surah *al-Baqarah,* 2:282)

Jika perubahan tingkah laku tersebut bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah, maka proses *ta'lim* akan menjurus ke arah yang bertentangan dan membawa kesan yang negatif. Firman Allah S.W.T.:

وَمِنْهُم مَّن يَسْتَمِعُ إِلَيْكَ ۖ وَجَعَلْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً أَن يَفْقَهُوهُ وَفِىٓ ءَاذَانِهِمْ

وَقْرًا ۚ وَإِن يَرَوْا كُلَّ ءَايَةٍ لَّا يُؤْمِنُوا بِهَا ۚ حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُوكَ يُجَٰدِلُونَكَ يَقُولُ
ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِنْ هَٰذَآ إِلَّآ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٢٥﴾

Maksud: *Dan di antara mereka ada yang mendengarkanmu (membaca al-Quran), pada hal Kami telah jadikan tutupan berlapis-lapis atas hati mereka, yang menghalang mereka daripada memahaminya, dan Kami jadikan pada telinga mereka penyumbat (yang menjadikan mereka pekak); dan kalaupun mereka melihat tiap-tiap keterangan (dan mukjizat yang membuktikan kebenaran Rasul), mereka tidak juga akan beriman kepada keterangan itu; sehingga apabila mereka datang kepadamu, sambil membantahmu, berkatalah orang-orang yang kafir itu: "Hal ini tidak lain hanyalah cerita-cerita dongeng orang-orang dahulu."*

(Surah *al-An'am,* 6:25)

Menurut Ab. Halim *et. al.* (2004), istilah *mu'allim* merujuk kepada peranan guru di dalam bilik darjah untuk memberitahu, mengajar, memindah dan menyampaikan pelbagai jenis maklumat, displin dan ilmu pengetahuan kepada murid, sama ada melalui latihan, arahan atau sebarang bentuk pengajaran yang seumpamanya. Maka, proses *ta'lim* yang berlaku akan mencorak dan mewarnai pembentukan dan pembangunan diri para murid sebagai insan soleh.

Justeru, bagi menjamin proses *ta'lim* menepati kehendak Islam yang selari dengan al-Quran dan Sunnah, seorang guru perlu melaksanakan proses pendidikan berdasarkan prinsip keselarasan antara teori dan amali dalam proses *ta'lim, m*enentukan hala tuju dan matlamat *ta'lim* sebelum menerima dan memahami sesuatu maklumat, prihatin dan menjaga kemampuan murid (Janzarli, 1991).

Keselarasan Antara Teori dan Amali dalam Proses T*a'lim*

Manhaj al-Quran telah menetapkan bahawa ilmu yang diperoleh melalui proses *ta'lim* perlu dilaksanakan dalam bentuk amalan. Proses pengajaran akan sampai ke tahap kefahaman yang mantap dan jitu sebaik sahaja setiap ilmu yang diperoleh melaluinya dilaksanakan dalam bentuk amalan (Janzarli, 1991). Firman Allah S.W.T. di dalam yang bermaksud:

وَلَهَدَيْنَٰهُمْ صِرَٰطًا مُّسْتَقِيمًا ﴿٦٨﴾

Maksud: *Dan tentulah Kami pimpin mereka ke jalan yang lurus.*

(Surah *al-Nisa',* 4:68)

Menurut Janzarli (1991) prinsip ini menjadi amalan dalam proses pendidikan yang diterajui oleh Rasulullah s.a.w. seperti yang diceritakan oleh Ibn Mas'ud:

> *Apabila seseorang pemuda daripada kami mempelajari sepuluh ayat al-Quran, dia tidak akan beralih kepada ayat seterusnya melainkan setelah dia mengetahui makna ayat tersebut dan mengamalkannya.*

Menentukan Hala Tuju dan Matlamat *Ta'lim* Sebelum Menerima dan Memahami Sesuatu Maklumat

Dalam proses *ta'lim,* murid perlu menjadikan al-Quran dan Sunnah sebagai sumber rujukan utama untuk menilai dan memahami sesuatu ilmu atau maklumat. Tujuannya

supaya manusia merasakan keperluan kepada petunjuk Allah S.W.T. dalam mendapatkan sesuatu ilmu dan memahaminya (Janzarli, 1991). Inilah manhaj pendidikan dalam Islam yang menekankan soal ilmu dan pengetahuan berdasar kepada ayat pertama yang diturunkan kepada Rasulullah SAW. kerana dengan ilmu dan pengetahuan akan mendatangkan keyakinan terhadap sesuatu maklumat yang diperoleh.

Prinsip ini telah disalah faham oleh Barat tentang pendidikan Islam. Tritton (1957) telah mengatakan prinsip pendidikan dalam Islam ialah memperoleh keyakinan terhadap sesuatu perkara terlebih dahulu sebelum berlakunya proses *ta'lim,* iaitu untuk mendapatkan ilmu dan maklumat. Ini bermaksud bahawa keyakinan ialah proses utama berbanding dengan *ta'lim* untuk memperoleh ilmu pengetahuan.

Prihatin dan Menjaga Kemampuan Murid

Dalam proses *ta'lim*, seorang *mu'allim* perlu prihatin terhadap kemampuan muridnya dalam menerima ilmu dan maklumat yang disampaikan. Hal ini perlu untuk mengelakkan daripada berlaku salah faham dan kesilapan ketika memahami, memikir atau mempraktik sesuatu ilmu atau maklumat yang disampaikan (Janzarli, 1991). Hal ini sesuai dengan firman Allah S.W.T. di dalam yang bermaksud :

لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۚ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا ٱكْتَسَبَتْ ۗ رَبَّنَا لَا
تُؤَاخِذْنَآ إِن نَّسِينَآ أَوْ أَخْطَأْنَا ۚ رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَآ إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُۥ
عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِنَا ۚ رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِۦ ۖ وَٱعْفُ عَنَّا
وَٱغْفِرْ لَنَا وَٱرْحَمْنَآ ۚ أَنتَ مَوْلَىٰنَا فَٱنصُرْنَا عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

Maksud: *Allah S.W.T. tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Dia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan dia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan Kami! Janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir."*

(Surah *al-Baqarah*, 2:286)

Sesuai dengan konsep bersepadu dalam konsep *ta'lim*, Ibnu Sina juga menegaskan seorang guru perlu berfikiran optimis, beragama, berakhlak, berwibawa, berpendirian tetap dan menghargai murid (al-Ahwani, t.th). Mereka perlu memberi perhatian yang mendalam kepada aspek afektif dan bukan hanya menumpu dan mementingkan aspek kognitif dan psikomotor sahaja.

Islam amat menghargai profesion perguruan ini disebabkan peranan guru sebagai pendidik dan menyampaikan ilmu pengetahuan. Ahmad Tafsir (1994) mengatakan begitu tingginya penghargaan kepada guru sehingga mereka akan ditempat dan kedudukan guru setingkat di bawah kedudukan nabi dan rasul. Hal ini bermakna guru ialah pekerjaan atau profesion yang sangat mulia lantaran tugas mereka yang

menyampaikan ilmu, mendidik dan membimbing manusia ke arah kebaikan untuk menjadi khalifah Allah yang juga merupakan tugas Rasulullah s.a.w. Fungsi guru ialah menyediakan dan mendidik generasi muda untuk memegang peranan tertentu dalam masyarakat pada masa yang akan datang. Maka menurut Abidin (1998), profesion perguruan merupakan profesion yang paling mulia dan paling agung dibanding dengan profesion lain

Oleh kerana tugas dan tanggungjawab seorang guru adalah mewarisi tugas para rasul (Abidin, 1998 & al-Mabᶜuth t.th), maka seseorang guru itu perlu mempunyai sifat-sifat khusus yang tertentu supaya mereka dapat menjalankan peranan mereka sebagai seorang *mu'allim* yang baik dan berkualiti mewarisi tugas para rasul. Hal ini sesuai dengan firman Allah S.W.T. di dalam yang bermaksud :

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَآ إِلَى ٱللَّهِ وَعَمِلَ صَٰلِحًا وَقَالَ إِنَّنِى مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾

Maksud: Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah S.W.T., serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya Aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah S.W.T.)!"

(Surah *Fussilat,* 41:33)

Syed Hossein Nasr (1987) serta Husain dan Ashraf (1989) menekankan bahawa paksi utama dalam sistem pendidikan ialah guru. Oleh itu, menurut al-Muhammadi (1991) sebagai pendidik, seorang guru memerlukan sikap kehidupan dan pembawaan yang jelas. Menurutnya lagi, sifat-sifat yang wajib dimiliki seorang guru ialah sifat zuhud. Sifat zuhud bermakna menyampaikan pelajaran bukan kerana balasan kebendaan atau penghormatan masyarakat, tetapi kerana mencari keredhaan Allah S.W.T. (Al-Abrasyi, 1974 & al-Muhammadi, 1991). Malah al-Muhammadi (1991) turut menekankan guru adalah sebagai bapa dalam menghadapi muridnya. Seorang guru akan berjaya melaksanakan tugasnya apabila mempunyai rasa tanggungjawab dan kasih sayang terhadap muridnya sebagaimana orang tua (bapa) terhadap anaknya sendiri (Abidin, 1998; al-Abrasyi, 1974; al-Aroosi, 1992). Sifat kebapaan yang ada pada seorang guru seperti yang dinyatakan oleh al-Abrasyi (1974) ialah guru mampu mencintai murid seperti mencintai anaknya sendiri. Apabila seorang guru berperanan sebagai bapa kepada anak muridnya, perasaan kasih sayang akan menguasai suasana pengajaran dan pembelajaran seterusnya memudahkan proses pendidikan, memberi nasihat dan memberi peringatan (Ahmad Tafsir, 1994). Hal ini bersesuaian dengan konsep bersepadu seorang *mu'allim* yang diajar oleh Rasulullah SAW. Sebagaimana sabda Baginda s.a.w. yang diriwayatkan oleh Jarir bin Abdullah yang bermaksud (al-Bukhari, t.t.: 5554): "*Sesiapa yang tidak menyayangi orang lain, dia pasti tidak akan disayangi.*"

Menurut Abdullah Nasih 'Ulwan (1996), di antara sifat yang perlu dimiliki oleh pendidik ialah ikhlas. Hal ini bermakna setiap pendidik perlulah membersihkan niat mereka dan menunjukkan setiap kerja yang dilakukan semata-mata kerana Allah supaya mendapat keberkatan dalam tugas mereka dan disayangi murid-murid. Ini sesuai dengan firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

وَمَآ أُمِرُوٓا۟ إِلَّا لِيَعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ حُنَفَآءَ وَيُقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُوا۟
ٱلزَّكَوٰةَ ۚ وَذَٰلِكَ دِينُ ٱلْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾

> Maksud: Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan Ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah ugama Yang benar.
>
> (Surah *al-Bayyinah*, 98:5)

Abdullah Ishak (1989) pula menyatakan untuk keberkesanan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan pendidikan, guru atau pendidik perlulah memiliki sifat-sifat keperibadian yang unggul, ketokohan dan perwatakan yang sempurna. Kaedah pengajaran juga mempengaruhi ciri guru yang baik. Teknik mengajar yang berkesan ialah apabila murid mudah menerima, menghayati dan boleh mengaplikasikan pembelajaran dalam suasana kehidupan seharian (Ahmad Mohd Salleh, 1997). Rasulullah s.a.w. mengajar umatnya kaedah yang terbaik yang menjadi ciri-ciri seorang pendidik yang baik, iaitu menjauhi tuntutan hawa nafsu dan sentiasa berlemah lembut (tidak keras hati) serta bersifat pemaaf ketika mendidik (al-Abrasyi, 1974). Menurut Ibnu Kathir (2001), bahawa Baginda s.a.w. tidak bercakap sesuatu perkara berpandu hawa nafsunya. Penggunaan hawa nafsu dan sikap emosional ketika mengajar akan membantutkan proses pengajaran dan pembelajaran. Keberkesanan pengajaran guru banyak dihubungkaitkan dengan konsep guru itu sebagai agen pemangkin dalam pertumbuhan dan perkembangan murid, fasilitator dalam pembelajaran murid, penggerak kepada usaha murid, pembimbing dan model, pembelajaran dan pembuat keputusan dalam pengunaan peluang yang ada untuk kebajikan murid (Abdul Raof & T. Subahan, 1991; Atan Long, 1988 & Shahril Marzuki et. al, 1993).

Ab. Halim (2005) menyatakan bahawa proses pendidikan yang berkesan memerlukan interaksi yang berkesan antara guru dan murid dan juga dihubungkaitkan dengan aspek bimbingan dan kaunseling. Daripada segi peribadi, guru mestilah peramah serta mudah dihampiri. Individu seperti ini akan didekati oleh para murid sekiranya mereka mempunyai masalah. Dengan cara ini, guru dapat berperanan sebagai kaunselor (Ee Ah Meng, 1998). Konsep ini sesuai dengan kaedah pendidikan Rasulullah yang menggunakan kaedah kasih sayang antara guru dan muridnya. Pendekatan ini merupakan sifat dan ciri sebagai seorang kaunselor. Guru atau pendidik perlu bertindak sebagai pembimbing dan kauselor dengan memberi nasihat dan bantuan kepada murid yang menghadapi masalah dalam proses pembelajaran atau masalah peribadi (Abdul Raof & T. Subahan, 1991).

Kesimpulannya, sifat dan ciri seorang guru menurut Islam ialah memiliki ketinggian akhlak seperti yang diajar oleh Rasulullah s.a.w. sesuai dengan peranan mereka sebagai penyampai ilmu pengetahuan, mendidik dan membimbing manusia ke arah kebaikan untuk menjadi khalifah Allah S.W.T. Sifat dan ciri guru yang baik sebenarnya adalah selari dengan prinsip pendidikan Islam dan merupakan perkara penting kerana menjadi asas kepada kesediaan seorang guru sebelum proses pengajaran dan pembelajaran.

ASAS KESEDIAAN GURU PENDIDIKAN ISLAM BERKESAN

Keperluan guru merupakan komponen kemahiran yang boleh diperolehi melalui proses latihan khusus, sama ada di maktab perguruan atau universiti. Sebagai *mu'allim,* seorang guru perlu mendapat latihan yang cukup, ini termasuk bidang asas pendidikan seperti psikologi dan sosiologi pendidikan. Maka dapat dikatakan bahawa keperluan guru boleh mengukur tahap kesediaan mereka untuk menjalankan tugas sebagai seorang *mu'allim* yang profesional. Oleh itu untuk menjadi *mu'allim* yang profesional,

seseorang itu perlu mendapat latihan dan pendidikan guru (al-Naʿmy, 1994). Berikut adalah beberapa komponen asas kesediaan guru pendidikan Islam, iaitu kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran, penguasaan ilmu pengetahuan, motivasi diri, dan personaliti positif.

Kemahiran dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Bagi menjalankan tugas dengan sempurna, seorang guru perlu mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu. Kemahiran mengajar ialah perkara penting dalam komponen keperluan guru menurut Dunkin dan Biddle (1974), Atan (1978) dan Mustaqim (2001). Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) menegaskan antara sifat-sifat guru yang berkesan ialah mempunyai kemahiran mengajar, termasuk menghubungkan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pengajarannya. Seseorang guru itu perlu berpengetahuan dan mempunyai kemahiran. Kemahiran mengajar atau *teaching skills* meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebar ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada murid-murid dengan berkesan, iaitu menggunakan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik mengajar berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran.

Antara kemahiran mengajar perlu dikuasai ialah kemahiran memulakan pengajaran, mengemukakan soalan, menggunakan contoh-contoh, menggunakan papan hitam, menutup pelajaran, kemahiran menyediakan soalan-soalan yang baik, kemahiran pengurusan bilik darjah dan kemahiran memotivasikan murid. Menurut Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) lagi kemahiran-kemahiran tersebut perlu supaya guru dapat mengendalikan pelajaran yang tinggi mutunya di samping murid akan tertarik kepada pelajaran yang bermakna dan menyeronokkan. Kemahiran mengajar akan menjadikan aktiviti pengajaran dapat dilaksanakan dengan sistematik, langkah demi langkah, iaitu daripada peringkat permulaan diikuti dengan peringkat pekembangan konsep melalui penggunaan ilmu pengetahuan serta kemahiran dan diakhiri dengan aktiviti peneguhan dan pengukuhan. Kesannya, guru akan berjaya memotivasikan murid-murid dan menarik perhatian mereka supaya bersedia mengikuti pengajaran guru dengan penuh minat. Sudah pasti kandungan pelajaran dapat disampaikan kepada murid mengikut langkah tertentu dan dengan cara yang sistematik serta menepati masa pembelajaran yang ditetapkan. Melalui kaedah yang sistematik tersebut, murid-murid akan terangsang untuk turut sama terlibat di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara aktif. Komunikasi pelbagai hala akan terhasil daripada proses tersebut yang menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik.

Penggunaan strategi dan kaedah mengajar yang sesuai dengan tahap kecerdasan merupakan ciri kemahiran mengajar yang perlu ada pada seorang guru. Malah kaedah dan teknik pengajaran yang baik boleh menyumbang kepada mutu pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berkesan (Allen, 1992). Kemahiran mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada tiga istilah penting, iaitu pendekatan, kaedah dan teknik. Seorang guru yang ingin menguasai kemahiran mengajar perlulah menguasai ketiga-tiga elemen tersebut untuk diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Ahmad (1997) menjelaskan kepentingan pemilihan sesuatu teknik mestilah berasaskan sesuatu kaedah yang berlandaskan sesuatu pendekatan. Menurutnya lagi, pada akhirnya keberkesanan sesuatu teknik yang digunakan bergantung atas asas-asas pengkaedahan dan pendekatan yang kukuh, mantap dan boleh dipercayai.

Umumnya, pendekatan bermaksud mendekatkan sesuatu dalam bidang pendidikan dan setiap pendekatan itu hendaklah mencerminkan satu pandangan tentang hakikat satu matlamat pelajaran. Pendekatan harus berlandaskan kepada model, prinsip atau teori pembelajaran, misalnya daripada konkrit kepada abstrak, daripada mudah kepada kompleks, daripada keseluruhan kepada bahagian, daripada umum kepada spesifik (deduktif), daripada spesifik kepada umum (induktif), daripada dekat kepada jauh dan daripada diketahui kepada belum diketahui (Ahmad, 1997). Kaedah pula adalah perancangan atau prosedur bagi melaksanakan sesuatu pengajaran secara teratur, kemas dan sistematik. Kaedah merupakan langkah-langkah atau peringkat-peringkat pengajaran yang tersusun rapi dan kesinambungan yang harus dituruti dengan saksama bagi mencapai sesuatu pelajaran (Ahmad, 1997). Manakala teknik pula merujuk kepada unit-unit kecil yang terkandung dalam sesuatu kaedah. Teknik merangkumi aktiviti, pelakuan dan kemahiran guru yang digunakan dalam pengajaran (Ahmad, 1997). Seperti pendekatan dan kaedah, guru perlu menggunakan teknik yang sesuai untuk membangkitkan minat murid ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Teknik soal jawab, tunjuk cara, menghafal, latih tubi dan syarahan adalah teknik-teknik yang biasa digunakan oleh guru semasa mengajar. Oleh itu, kemahiran mengajar ialah kemahiran penggunaan kaedah mengajar yang sesuai dengan bermatlamat maklumat yang disampaikan kepada murid dapat difahami. Guru mesti mengetahui kaedah atau cara penyampaian dalam pengajarannya supaya murid-murid dapat memahami apa yang hendak disampaikan. An-Nahlawi (1996) turut menekankan kepentingan kemahiran mengajar yang menjurus kepada penggunaan pelbagai kaedah, pendekatan dan teknik dalam pendidikan sesuai dengan situasi pengajaran dan pembelajaran.

Penguasaan Ilmu Pengetahuan

Ashraf (1995) menjelaskan kebanyakan kuasa penting dan bererti yang dipunyai oleh seseorang manusia ialah kekuatan inteleknya. Intelek merujuk kepada kebijaksanaan dan kebolehan untuk berfikir serta sifat cerdik pandai. Maka kebijaksanan dan pengetahuan merupakan keperluan bagi individu yang ingin mengajar orang lain, malah sebagai guru hendaklah mempunyai pengetahuan daripada pelbagai aspek. Al-Abrasyi (1974) pula menekankan perlu bagi seorang guru sentiasa berusaha mempertingkatkan pengetahuannya, sama ada dalam bidang yang diajarnya ataupun cara dia mengajar ilmu tersebut. Seorang guru perlu mempunyai pelbagai ilmu pengetahuan termasuk pengetahuan yang mendalam terhadap mata pelajaran yang diajarnya.

Menurut Ashraf (1995) seorang guru yang berpengetahuan dan bijaksana terhadap mata pelajaran yang diajarnya akan membantu para murid membina dan mempertajamkan intelek mereka. Al-Muhammadi (1991) menegaskan proses pengajaran dan pembelajaran tidak akan berjaya menyampai ilmu sekiranya ejen yang menyampaikan tidak efektif. Efektif merujuk kepada beberapa perkara penting yang perlu ada pada seorang guru, antaranya Ahmad (1997) mengatakan kelengkapan ilmu kerana tugas menyampaikan ilmu adalah amanah Allah. Maka, seseorang guru perlu terdiri daripada individu yang bijaksana dan berpengetahuan dalam menjalankan tugas dan peranan mereka.

Menjalankan tugas sebagai guru untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, memperkembangkan kemahiran, dan membentuk budi pekerti dan akhlak mulia murid, disamping berperanan sebagai perancang, pengurus, fasilitator, pembimbing dan sebagai model atau contoh tauladan memerlukan individu yang memiliki kecerdasan dan kebijaksanaan yang tinggi. Malah menurut al-Nahlawi (1996), seorang pendidik perlu sentiasa mempertingkatkan keilmuannya, pengetahuan yang mendalam terhadap mata

pelajaran yang diajarnya serta menguasai ilmu pengetahuan lain seperti pengetahuan agama, sejarah, geografi, matematik, bahasa dan sebagainya. Menurutnya lagi, pendidik perlu memastikan kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu ilmu agar dihormati oleh para muridnya dan memperoleh kepercayaan mereka supaya mereka memperolehi faedah.

Seorang guru perlu mengetahui dengan mendalam mata pelajaran yang hendak diajarnya kerana dengan kurangnya pengetahuan guru dalam mata pelajaran yang diajarnya akan mendatangkan rasa tidak percaya kepada dirinya, menyebabkan sifat yang beku dan mendatangkan rasa bimbang dan ini seterusnya akan menghilangkan kepercayaan murid kepada guru. Hassan Langgulung (1997) menekankan kepentingan pengetahuan sebagai suatu asas untuk memperolehi bentuk-bentuk kemahiran kognitif yang lebih tinggi. Menurutnya lagi, tugas guru atau pengajar ialah menolong murid-murid belajar dengan menekankan kepada kemampuan dan kesediaan ilmiah mereka untuk mengetahui dan melakukannya. Maka, tunjuk ajar dan dorongan melalui guru sebagai orang dewasa yang bijak dan cerdik amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana proses perubahan tingkah laku adalah proses yang berkaitan dengan sikap dan nilai yang memerlukan bukan sahaja pengetahuan dan kemahiran mengajar tetapi juga sedikit motivasi.

Motivasi Diri

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, motivasi dianggap sebagai satu unsur yang penting untuk membolehkan murid-murid melibatkan diri secara aktif, di samping menjadikan proses pembelajaran berlangsung dalam keadaan yang bermakna, berfaedah dan menyeronokkan. Oleh itu, perubahan belajar adalah perbuatan yang memerlukan semangat dan kesungguhan, maka pembimbing perlu sentiasa menjelaskan manfaat dan kegunaan belajar yang sedang mereka lakukan. Motivasi ialah elemen penting yang perlu dimiliki dan digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajarannya. Menurut Crow dan Crow (1980) motivasi merupakan aspek mengajar yang penting. Guru perlu menimbulkan motivasi kepada murid untuk belajar kerana keinginan untuk belajar bukanlah suatu kemestian yang ada pada semua manusia. Malah al-Ghazali yang membahagikan tingkah laku manusia kepada dua tingkat, menjelaskan tingkah laku manusia dikuasai oleh motivasi-motivasi dan faktor-faktor kegopohan di tingkat pertama tingkah laku dan di tingkat kedua dikuasai oleh kemahuan dan akal (Hassan, 1997).

Motivasi memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana berkaitan dengan pembangkitan minat. Maka dalam pendidikan ia merupakan satu keperluan yang patut diamalkan oleh para guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Tanpa motivasi, proses pembelajaran menjadi tidak bermakna dan tidak berkesan (Shahabuddin et. al, 2003). Manakala menurut Kamarudin (1993), motivasi memerlukan ransangan-ransangan yang kuat yang melibatkan dua perkara penting, iaitu insentif dan motif penggerak. Insentif adalah unsur yang merangsangkan seseorang untuk bertindak, manakala motif pula ialah keiginan yang lahir secara semuala jadi dalam diri. Malah Kamarudin (1993) turut menekankan kepentingan motivasi dalam proses P&P dengan mengemukakan kepentingan tersebut, iaitu menarik minat dan perhatian, motivasi yang berterusan dan nilai persaingan.

Manusia belajar kerana didorong oleh motivasi tertentu yang merupakan fasa pertama dalam sesuatu proses pembelajaran. Tanpa motivasi, proses pembelajaran tidak bermakna

dan berkesan (Shahabuddin et al., 2003). Malah Islam ialah agama yang sering menggunakan pendekatan dan kaedah motivasi ketika mendidik umatnya melalui pelbagai cara, antaranya konsep *amar ma^c^ruf nahi munkar*, konsep dosa dan pahala, balasan syurga dan neraka serta berdakwah dengan hikmah. Konsep *targhib* dan *tarhib* (dorongan dan ancaman) ialah pendekatan yang digunakan dalam pendidikan yang dibawa melalui al-Quran dan Sunnah Rasulullah (al-Nahlawi, 1996). Malah an-Nahlawi (1996) juga menekankan sebagai *murabbi* mereka perlu menggunakan pendekatan motivasi ketika mendidik kerana manusia tidak sama daripada aspek keupayaan untuk belajar. Konsep *tadarruj* atau peringkat demi peringkat ialah amalan yang digunakan oleh Allah S.W.T. melalui Rasullullah ketika mendidik dan berdakwah kepada manusia. Hal ini dapat dilihat menerusi proses pengharaman meminum arak.

Menurut Rohaty (2003), pelbagai teori motivasi boleh diaplikasikan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Teori motivasi meliputi Teori Motivasi Keperluan Maslow, Teori Jangkaan Weiner, Teori Behaviorisme, Teori Pembelajaran Sosial *Bandura* dan Teori Pemprosesan Maklumat. Dari segi motivasi keperluan, guru perlu peka kepada keperluan fizikal, emosi dan *esteem* kendiri murid. Pendekatan motivasi melalui teori persekitaran termasuk teori cabang utama dalam behaviorisme ialah proses kelaziman tingkah laku yang mencetus pembelajaran melalui amalan peneguhan atau *reinforcement* sama ada bentuk positif atau negatif. Hassan (1997) pula mengingatkan hukuman dan peneguhan negatif kadang-kadang membingungkan, tetapi kedua-dua cara itu sangat berbeza dan menghasilkan akibat yang berbeza. Hukuman melibatkan pengenalan rangsangan yang dibenci yang mengurangi kebarangkalian suatu gerak balas, sedangkan pemberhentiannya atau penarikannya merupakan peneguhan negatif.

Berdasarkan penjelasan ini, dapat dilihat peranan yang besar perlu dipikul oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Hal ini kerana guru bukan sahaja perlu bersedia daripada aspek kemahiran mengajar dan penguasaan ilmu, malah perlu bijak menggunakan motivasi berdasarkan teori-teori yang sesuai supaya murid menunjukkan minat terhadap pengajarannya dan proses pemindahan ilmu berlaku dengan berjayanya. Hassan (1997) menjelaskan bahawa sudah menjadi tugas guru, untuk menyediakan rangsangan agar memberi sumbangan kepada proses pembelajaran murid. Menurutnya lagi, walaupun rangsangan dan gerak balas berlaku terpisah, guru dapat mengubah persekitaran kelas untuk mencipta suasana yang lebih baik. Proses pemilihan itulah yang menimbulkan keperluan mengulangi, menggerakkan dan meninjau kembali proses P&P yang dijalankan.

Personaliti Positif

Pendidikan ialah proses perubahan tingkah laku yang merujuk kepada sahsiah atau personaliti seseorang. Seorang perlu terlebih dahulu memiliki sahsiah atau personaliti yang unggul sebelum berusaha untuk membentuk sahsiah para muridnya melalui proses pendidikan tersebut. Personaliti boleh dihuraikan sebagai ciri-ciri keseluruhan tingkah laku yang tetap pada seorang individu, tetapi berlainan dengan orang lain. Ia mewakili perwatakan seseorang individu dan dapat diperhatikan dan dinilai melalui tingkah lakunya di dalam situasi pada sesuatu ketika.

Sesuai dengan peranan guru menurut Islam untuk membersih dan membina jiwa agar menjauhi keburukan dan memeliharnya sesuai dengan fitrah kejadiannya, memindahkan ilmu pengetahuan dan akidah kepada muridnya supaya diaplikasikan di dalam diri dan kehidupan mereka (an-Nahlawi, 1996), maka menurut Abdullah Ishak (1989)

guru atau pendidik perlulah memiliki sifat-sifat keperibadian yang unggul, ketokohan dan pewatakan yang sempurna untuk memastikan keberkesanan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan pendidikan.

Sebagai *role model*, guru mesti mempunyai sahsiah yang unggul supaya mereka dapati dicontohi dan dihormati. Tingkah laku dan sikap guru sentiasa diperhati dan dinilai oleh murid-murid bukan sahaja semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah atau di dalam sekolah malah juga ketika di luar kawasan sekolah. Perwatakan guru amat penting kerana melambangkan personaliti mereka, Abdullah Ishak (1989) mengatakan pewatakan tersebut boleh dipupuk melalui sifat-sifat spriritual seperti ikhlas, jujur, sabar, kasih sayang, warak dan takwa bahkan menerusi sifat-sifat fizikal seperti tutur kata, tingkah laku, kebersihan diri, pakaian, tempat tinggal dan lain-lain. Bagi mencapai personaliti yang unggul, Ashraf dan Husain (1989) menegaskan guru perlu mempunyai perasaan dedikasi terhadap tugasnya dan bersedia menerima tahap moral yang dipandang tinggi oleh masyarakat, mestilah seorang yang berbudi dan bertaqwa.

Oleh kerana tujuan utama pendidikan ialah pembentukan akhlak dan rohani dan bukan sekadar bermatlamatkan kebendaan, maka keperluan seorang guru memiliki personaliti atau sahsiah yang unggul ialah satu kemestian dan sebagai syarat sebelum ia bertugas di sekolah-sekolah. Guru perlu mempunyai personaliti yang unggul supaya boleh menjadi ikutan dan mempengaruhi muridnya ke arah kebaikan. Inilah yang ditekankan oleh Hussain dan Ashraf (1989), iaitu seseorang guru dikehendaki bukan sahaja sebagai seorang yang terpelajar tetapi juga sebagai seorang yang ada sifat-sifat keutamaan, seorang yang alim di mana tingkah lakunya mempunyai pengaruh terhadap fikiran anak-anak muda. Guru yang mempunyai personaliti yang unggul akan mudah menjadi pemimpin yang hormati oleh murid-murid dan masyarakat.

PENUTUP

Keupayaan dan kewibawaan guru pendidikan Islam sebagai pemimpin akan membentuk insan yang terdidik, berilmu, berakhlak dan bertaqwa. Setiap guru pendidikan Islam seharusnya memiliki kesediaan dan mempunyai keterampilan diri untuk menjadi *mu'allim* yang berkesan dan dapat melaksanankan tanggungjawab dengan sebaikya. Keunggulan ciri pendidik ini juga adalah bersesuaian dengan pandangan yang diutarakan oleh pakar-pakar dalam bidang pendidikan Islam yang menyatakan antara sifat-sifat yang perlu dimiliki oleh guru ialah ketokohan dalam kepimpinan, keperibadian mulia, bersifat kasih sayang dan berjiwa luhur. Kebijaksanan *mu'allim* dalam melaksanakan tanggungjawab pembimbing dan pemimpin terhadap anak didik, akan melengkap diri mereka sebagai *mu'allim* yang profesional dan berwibawa. Kelengkapan ini menjadikan guru pendidikan Islam sebagai ikutan yang terbaik atau role-model dan berkesan kepada murid ke arah merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin Zamri Abdul Rahim dan Khadijah Abdul Razak. 2004. Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ke atas Pembangunan Diri Murid. Laporan akhir projek penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ab. Halim Tamuri. 2005. Hala Tuju dan Cabaran Pendidikan Islam dalam Era Globalisasi. Kertas kerja Seminar Pendidikan dan Penghayatan Islam. Jabatan TITAS, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, 1 Mac.

Abdul Raof Dalip & T. Subahan Mohd. Meerah. 1991. *Isu-Isu latihan mengajar*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Abdullah Ishak. 1989. *Sejarah perkembangan pelajaran dan Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Badan Dakwah dan Kebajikan Malaysia.

Abdullah Nasih ᶜUlwan. 1996. *Tarbiah al-awlad fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Fikr.

Abidin Ibn Rusn. 1998. *Pemikiran al-Ghazali tentang Pendidikan*. Yogyakarta: Pustaka Murid.

Al-Abrasyi, Muhammad Athiyah. 1974. *Al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa falasifatuha*. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Abrasyi, Muhammad Athiyah. 1988. *Dasar-dasar pokok Pendidikan Islam*. Terj. Bustami A. Ghani et. al. Jakarta: Bulan Bintang.

Al-Ahwani, Ahmad Fuad. t.th. *Al-Tarbiyyah fi al-Islam*. Mesir: Dar al-Maᶜarif.

Ahmad Mohd. Salleh. 1997. *Pendidikan Islam: falsafah, pedagogi dan metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ahmad Tafsir. 1994. *Ilmu pendidikan dalam perspektif Islam*. Bandung: Remaja Rosdakarya.

Allen, T. 1992. *Teaching Arabic in the United States; past, present and future in the Arabic Language in America*. Detroit: Wayne University Press.

Al-Aroosi, Muhammad. 1992. Kurikulum dan Pendidikan Guru. Dlm. al-Afendi, Muhammad & Nabi Ahmad Baloch (pnyt). *Kurikulum Islam dan guru*. Terj. Ahmad Jaffni Hassan et. al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ashraf, Syed Ali. 1995. *Horizon baru dalam Pendidikan Islam*. Terj. Ismail Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Atan Long. 1986. *Pedagogi kaedah am mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Atan Long. 1988. *Psikologi pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Crow and Crow. 1980. *Psikologi pendidikan untuk perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dunkin, Michael, J. & Biddle, Bruce, J. 1974. *The study of teaching*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.

Ee Ah Meng. 1991. *Pedagogi: satu pendekatan bersepadu*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Al-Ghazali, Abu Hamid. 1967. *Ihya' ʿulumuddin*. Juz. 1. Mesir: Matbaʿah Mustafa al-Bab al-Halabi.

Halstead, John Mark. 1995. Towards a Unified View of Islamic Education. *Islam and Christian Muslim Relations* 6 (1): 25-43.

Hassan Langgulung. 1997. *Beberapa tinjauan dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Hussain, Syed Sajjad & Ashraf, Syed Ali. 1989. *Krisis dalam Pendidikan Islam*. Terj. Masoᶜod Abdul Rashid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibnu Kathir. 2001. *Tafsir al-ʿAzim*. Riyadh: Maktabah Dar al-Salam.

Janzarli, Riyadh Salleh. 1991. *Al-Usul al-Islamiah li al-tarbiah*. Makkah: Umm al-Qura University Press.

Kamarudin Husin. 1993. *Pedagogi 3 penggunaan psikologi dalam bilik darjah*. Petaling Jaya: Longman Malaysia.

Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam pengajaran dan pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM.

Al-Mabʿuth, Salleh Hasan. 2000. Adab al-Muaʿallim al-Muslim. *Manar al-Syarq*, Ramadhan: 26-27.

Marasudin Siregar. 1985. *Didaktik metodik dan kedudukannya dalam proses belajar mengajar*. Yogyakarta: Sumbangsih.

Mohd Kamal Hassan. 1988. *Pendidikan dan pembangunan: Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Al-Muhammadi. Abdul Halim. 1991. *Falsafah Pendidikan Islam: Satu perspektif baru dalam pendidikan Islam peranan dalam pembangunan ummah*. Kuala Lumpur: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah.

Mustaqim, H. 2001. *Psikologi pendidikan*. Yogyakarta: Pustaka Murid.

Al-Nahlawi Abdul Rahman,. 1996. *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Asalibiha: fi al-Bait wa al-Madrasah wa al-Mujtama'*. Beirut: Dar al-Fikr.

Robiah Sidin. 1993. *Classroom management*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Robiah Sidin. 1998. Pengajaran secara pengalaman: satu amalan. Dlm. Juriah Long (pnyt). *Inovasi dalam perkaedahan pengajaran: bahasa, sains sosial dan teknologi maklumat*. Bangi: UKM.

Rohaty Mohd Majzub. 2003. Aplikasi psikologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Dlm. Khadijah et. al (pnyt). *Perkaedahan pengajaran Pendidikan Islam: antara tradisi dan inovasi*. Fakulti Pendidikan. Bangi: UKM.

Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd Zohir Ahmad. 2003. *Pedagogi : strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. Bentong: PTS Publications & Distribution Sdn.Bhd.

Shahril @ Charil Marzuki,Zainun Ishak, Lee Pau Wing & Saedah Siraj. 1993. *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Al-Syaibani, Omar Muhammad al-Toumy. 1991. *Falsafah Pendidikan Islam*. Terj. Hasan Langgulung. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Hossein Nasr. 1987. *Traditional Islam in the modern world*. London: Kegan Paul.

Tritton, A. S. 1957. *Materials on muslim education in the middle ages*. London: Luzac & Co.

Biodata penulis.

Ab. Halim bin Tamuri (Ph.D dan Profesor Madya), Perkaedahan dan Amalan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohamad Khairul Azman bin Ajuhary, Pusat Bahasa Moden, Universiti Pendidikan Sultan Idris.